

SULIT

1103/2

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
NEGERI PERLIS**

**ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS**

**GEMPUR KECEMERLANGAN SPM 2026
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan**

1103/2(PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Negeri Perlis**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

MARKAH PENUH : 100 MARKAH**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada**Soalan 1: **8** markahSoalan 2: **6** markahSoalan 3: **10** markahSoalan 4: **5** markahSoalan 5: **6** markah**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Beri 1 markah bagi setiap kata bilangan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bilangan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bilangan yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata bilangan salah, tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata bilangan digunakan sebagai kata berimbuhan, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada markah keseluruhan yang diperoleh.

Soalan 1 : Morfologi**Kata bilangan**

- (i) satu
- (ii) semua
- (iii) pelbagai
- (iv) masing-masing
- (v) setiap

[Maksimum : 8 markah]*[Lihat halaman sebelah*

Soalan 2 – Sintaksis**Menukarkan ayat susunan songsang kepada ayat susunan biasa**

- (i) - Teknologi digital mampu membentuk persekitaran yang menyokong penubuhan hubungan timbal balik dalam dunia yang semakin mencabar. 2
 - Teknologi digital dalam dunia yang semakin mencabar mampu membentuk persekitaran yang menyokong penubuhan hubungan timbal balik. 2
- (ii) - Kemajuan teknologi digital dalam era revolusi perindustrian 4.0 berpotensi untuk menyokong pembangunan sektor pertanian melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan perniagaan pertanian. 2
 - Kemajuan teknologi digital dalam era revolusi perindustrian 4.0 melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan perniagaan pertanian berpotensi untuk menyokong pembangunan sektor pertanian. 2
- (iii) - Perkembangan dunia digital kini semakin memperlihatkan jurang yang ketara dalam kehidupan di bandar dengan di luar bandar. 2
 - Perkembangan dunia digital kini dalam kehidupan di bandar dengan di luar bandar semakin memperlihatkan jurang yang ketara. 2

[Maksimum: 6 markah]**Soalan 3 – Penyuntingan**

- | | | | |
|--------|---------------------|---|---------------------------|
| (i) | disurongkan | – | disorongkan |
| (ii) | pada | – | kepada |
| (iii) | lesen | – | permit |
| (iv) | di antara | – | antara |
| (v) | dilakukan oleh kami | – | kami lakukan |
| (vi) | menjalankan | – | menjalani |
| (vii) | sebahagian | – | separuh |
| (viii) | Bagaimana | – | Bagaimanakah |
| (ix) | telahpun | – | telah pun |
| (x) | jeket | – | jaket |
| (xi) | paling tertinggi | – | tertinggi / paling tinggi |

[Maksimum: 10 markah]**SERTAI TELEGRAM @exercise_students***[Lihat halaman sebelah]*

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4.

Deskripsi	Markah
	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap mengikut urutan, dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Setelah / Sesudah malam, Awi Dicu tiba / datang / sampai. Bendahara Paduka Raja menyuruh semua pohon kayu bakau, nyirih dan tumpu api-api ditambahi / ditambah puntung api. Setelah / Sesudah orang Siam melihat api yang tidak terkira banyaknya, hulubalang Siam berkata, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka, tidak terkira lagi. Jika mereka datang apakah nasib kita? Sedangkan sebuah perahunya tadi tidak dapat kita lawan.”

Awi Dicu berkata, “Betullah / Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita pulang sementara hari belum siang.”

[Maksimum: 5 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi

- | | |
|--|---|
| (i) Ada gula, ada semut
Ada padi masak, adalah pipit
Ada padang, ada belalang | 2 |
| (ii) Sediakan payung sebelum hujan
Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis | 2 |
| (iii) Bagai aur dengan tebing
Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni | 2 |

[Lihat halaman sebelah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi Soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan / ayat gramatis	

[Lihat halaman sebelah

SULIT

1103/2

- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6**(i) Maksud**

- menyubur / menyemai / membina penyatuan / penggabungan 2
- *memupuk* penyatuan / penggabungan 1
- menyubur / menyemai / membina *perpaduan* 1

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Kepentingan-kepentingan****Bahan 1**

- P1 mencapai kejayaan hidup
- P2 membina hubungan yang baik
- P3 menjadi individu yang dihormati dalam masyarakat

Bahan 2

- P4 dapat meningkatkan semangat patriotisme melalui pemupukan rasa cinta dan taat setia kepada negara
- P5 menerapkan nilai-nilai murni sebagai warganegara
- P6 memahami sejarah dan perjuangan kemerdekaan

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Peranan ibu bapa**

- P1 memberi didikan agama dan moral sejak kecil
- P2 menunjukkan teladan yang baik / suri teladan
- P3 mewujudkan komunikasi terbuka
- P4 mengawal persekitaran sosial anak
- P5 memberi sokongan dan pujian
- P6 menetapkan disiplin dan peraturan yang jelas
- P7 melibatkan anak-anak dalam aktiviti kekeluargaan
- P8 memberi kasih sayang dan perhatian

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]***[Lihat halaman sebelah]*

(iv) **Tindakan-tindakan**

- P1 menasihati dan menegur rakan
- P2 mendengar dan memahami masalah rakan
- P3 mengajaknya berkawan dengan rakan yang positif
- P4 menunjukkan teladan yang baik
- P5 mengajak rakan belajar bersama-sama
- P6 mengajaknya melakukan aktiviti yang berfaedah
- P7 memaklumkan kepada ibu bapa rakan
- P8 membawa rakan bertemu dengan guru atau kaunselor

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7(i) **Peranan sains dan teknologi dalam kehidupan manusia**

- membina dunia moden
- mencipta kehidupan yang lebih sempurna dan maju

1

1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Kebaikan-kebaikan****Bahan 1**

- P1 dapat digunakan dalam bidang perubatan
- P2 teknologi berat
- P3 telekomunikasi
- P4 bidang penyediaan makanan, industri fabrik, sukan

Bahan 2

- P5 pelbagai kemudahan dihasilkan/dibuat untuk manusia (*Pelbagai kemudahan dicipta untuk manusia*)
- P6 kehidupan yang lebih baik (*Kehidupan yang lebih sempurna*)

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

[Lihat halaman sebelah]

(iii) Cabaran-cabaran

- P1 masalah capaian Internet yang lemah
- P2 kemahiran digital guru dan murid yang terhad
- P3 ketiadaan peralatan yang mencukupi (komputer, projektor, tablet)
- P4 guru kurang mahir menggunakan aplikasi pembelajaran digital
- P5 murid tidak biasa dengan platform e-pembelajaran
- P6 kos membeli dan menyelenggara peralatan ICT tinggi
- P7 guru dan murid yang kurang berminat menggunakan TMK

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 menasihati/menegur abang tentang kesan penggunaan telefon pintar
- P2 mengajaknya melakukan hobi atau aktiviti yang berfaedah
- P3 mengongsikan artikel/iklan/poster tentang kesan penggunaan telefon pintar yang berlebihan
- P4 menjadi suri teladan
- P5 memberitahu/melaporkan kepada ibu bapa
- P6 meminta ibu bapa membuat jadual masa penggunaan telefon pintar di dalam rumah/*family link*/ jadual belajar

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 8**(i) Konflik antara nenek dengan penulis sejak datuk tiada**

- P1 Dia berusaha untuk mendekatkannya tetapi ada sahaja yang tidak kena
- P2 Duit hilang dikatakan dia yang mencurinya
- P3 Getah hilang, dituduh adik-adiknya yang menjualnya
- P4 Tanaman rosak, kambingnya yang merodoknya

[Maksimum : 4 markah]**[Isi cukup : 3 isi]****Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)****(ii) Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dikaji.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian/contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah.
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]*[Lihat halaman sebelah]*

Soalan 8(ii)

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang memaparkan kesabaran watak dalam menghadapi dugaan hidup bagi setiap novel.

[6 markah]

(a) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

1. Peristiwa Lili sabar menghadapi kerenah ibunya untuk pulang ke kampung datuk dan neneknya pada cuti sekolah. Lili menurut kehendak ibunya untuk pulang ke kampung walaupun Lili mempunyai rancangan untuk bersama-sama teman-teman sekelasnya .

Huraian : Peristiwa ini memaparkan kesabaran watak dalam menghadapi dugaan hidup untuk sabar dan akur dengan permintaan kedua-dua ibu bapa.

2. Peristiwa Lili sabar ketika Lili ditahan, dikurung dan diikat oleh Rafik dan Haziq di sebuah pondok buruk. Walaupun dalam keadaan tertekan, Lili tidak berputus asa. Sebaliknya, dia tetap berusaha memahami masalah Rafik dan Haziq serta cuba membantu mereka.

Huraian : Peristiwa ini memaparkan kesabaran watak dalam menghadapi dugaan hidup agar bersabar walaupun menghadapi musibah kerana kesabaran boleh menjadi kunci untuk menyelesaikan masalah.

3. Peristiwa Che Jah sabar dengan perangai suaminya yang suka memukulnya dan anak-anaknya. Che Jah sering dimarahi dan dipukul oleh suaminya, Seman, yang panas baran, kaki judi dan pemabuk. Walaupun hidup menderita, Che Jah tetap sabar demi anak-anaknya sebelum akhirnya meminta cerai.

Huraian : Peristiwa ini memaparkan kesabaran watak dalam menghadapi dugaan hidup agar sentiasa sabar walaupun telah menjadi mangsa kekejaman suami. Selain itu, kesabaran seorang ibu dalam melindungi anak-anak daripada kesan buruk rumah tangga.

Nota: Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Lihat halaman sebelah

(b) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

1. Peristiwa Dahlia sabar dengan tuduhan yang dilemparkan oleh Nek Kiah kepada keluarganya. Nek Kiah sering membenci dan menuduh keluarga Dahlia membawa nasib malang tetapi Dahlia tetap sabar dan akhirnya sanggup menjaga Nek Kiah ketika neneknya itu sakit.

Huraian : Peristiwa ini memaparkan kesabaran watak dalam menghadapi dugaan hidup agar sabar dalam berbuat baik walaupun terhadap orang yang pernah menyakiti.

2. Peristiwa Dahlia sabar menguruskan adik-adiknya kerana ibunya, Saleha, dimasukkan ke hospital kerana tekanan mental. Ayahnya, Embong, pula dipatuk ular. Dahlia sabar mengambil alih tanggungjawab menjaga adik-adik dan menguruskan rumah walaupun masih bersekolah.

Huraian : Peristiwa ini memaparkan kesabaran seorang anak dalam menunaikan tanggungjawab keluarga.

3. Peristiwa Dahlia sabar dengan tohmahan dan hinaan daripada Aton. Dahlia dicemuh oleh Aton kerana gagal menyelamatkan Said yang lemas di sungai. Walaupun dihina, Dahlia tetap sabar dan tidak membalas dengan kata-kata kasar.

Huraian : Peristiwa ini memaparkan kesabaran watak dalam menghadapi penghinaan masyarakat walaupun menerima tohmahan dan kata-kata kesat.

Nota: Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Lihat halaman sebelah

SULIT

1103/2

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
 (b) Bahasa – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- tarikh
- gelaran
- nama khas
- penanda wacana
- peribahasa / pantun
- perkataan berganda
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- penggunaan kata depan *di* dan *ke* **tidak dikira** sebagai satu perkataan

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima							Markah Maksimum
(i) Pendahuluan									2
(ii) Fokus1 (kesan / akibat / implikasi)									16
Bahan 1	3	3	3	2	2	1			
(iii) Fokus 2 (langkah / usaha / cara)									
Bahan 1	4	3	2	2	1	3			
Bahan 2	2	1	1	2	2	1			
Bahan 3	4	1	2	2	3	3			
Jumlah Isi	13	8							
(iv) Penutup / Kesimpulan									2
Jumlah Markah									20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	- Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi Baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	- Kesinambungan ayat baik - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi Baharu - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi Baharu - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

[Lihat halaman sebelah

Nota :

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa pada peringkat lemah.
- (ii) Markah **isi** merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- (iii) Jika calon memperoleh markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iv) Jika markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa sangat *baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (v) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (vi) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- (vii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (viii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (ix) Kesimpulan hanya merujuk kepada tema sahaja.

[Maksimum : 10 markah]**Pendahuluan [2 markah]****Markah**

P1	... kesan-kesan / akibat-akibat / implikasi-implikasi kesihatan mental dan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara menjaga kesihatan mental	2
P2	... kesan-kesan / akibat-akibat / implikasi-implikasi kesihatan mental	1
P3	... langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara menjaga kesihatan mental	1

Isi [16 markah]**FOKUS 1 : kesan-kesan / akibat-akibat / implikasi-implikasi kesihatan mental****Bahan 1**

A1	menyumbang kepada kehilangan produktiviti ekonomi global	2
A2	mengalami masalah kemurungan	2
A3	meningkatkan tingkah laku bunuh diri dalam kalangan remaja	2

[Lihat halaman sebelah]

FOKUS 2 : langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara menjaga kesihatan mental**Bahan 1**

B1	kerajaan memperluas akses kepada rawatan psikologi	2
B2	kerajaan meningkatkan kapasiti Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan	2
B3	KKM melaksanakan kempen <i>Let's TALK</i> dan Hentikan Stigma, Kesihatan Mental Milik Semua	2
B4	KKM melaksanakan Siri Jelajah Minda Sihat	2

Bahan 2

C1	jangan abai tanda-tanda awal kemurungan.	2
C2	dapatkan bantuan profesional	2

Bahan 3

D1	rehat secukupnya	2
D2	jaga pemakanan	2
D3	luangkan masa dengan diri sendiri	2
D4	kurangkan tekanan media sosial	2

Kesimpulan [2 markah]

K1	Kesimpulannya, kesihatan mental mestilah dijaga agar tidak menjejaskan emosi dan kualiti hidup seseorang	2
K2	Kesimpulannya, kesihatan mental mestilah dijaga.	1

(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah]